

25/06/2001

Isu dalaman Yangon tumpuan dunia

Dzulkfley Zanudin

LAPORAN dari Yangon mengenai pembebasan 12 lagi tahanan politik, termasuk seorang pemimpin pembangkang berpengaruh oleh junta tentera Myanmar, baru-baru ini, menunjukkan satu lagi perkembangan positif dalam usaha memecahkan kebuntuan politik di negara itu.

Perkembangan itu juga menggambarkan sedikit sebanyak kejayaan dan pengaruh diplomat Malaysia, Tan Sri Razali Ismail yang ke sana baru-baru ini sebagai utusan khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Lebih-lebih lagi dasar berbaik Malaysia dengan negara jiran bagi menimbulkan keamanan serantau menerusi kemakmuran bersama seperti kerap diperkatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedikit sebanyak wajar membuka mata diplomat luar.

Pemergian Razali walaupun memakai tanda nama PBB, tetap menonjolkan semangat dasar luar dan hasrat berbaik Malaysia dengan semua negara dan salam persahabatan disambut baik dan bukannya dengan konfrontasi.

Sebarang pembabitan Malaysia walaupun sedikit manapun wajar dilihat sebagai keikhlasan Kuala Lumpur untuk membantu negara jiran dalam semangat Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (Asean), terutama memberi kesempatan dan peluang kepada anggota baru seperti Myanmar membuktikan kesungguhannya bekerjasama secara berpasukan dalam usaha mewujudkan keamanan serantau.

Sebagaimana negara yang enggan tunduk kepada arahan dan telunjuk Barat, terutama Amerika Syarikat dan United Kingdom sepertimana dikenakan selama ini ke atas Cuba, Iraq, Libya, Iran dan Korea Utara begitu jugalah keadaan yang dialami Myanmar sekarang.

Februari lalu, Jabatan Negara Amerika Syarikat, meskipun sudah beralih pucuk pimpinan daripada Bill Clinton kepada George W Bush, terus mengkritik Myanmar kononnya menekan dengan keras rakyatnya sendiri dengan menafikan mereka kebebasan asas sosial dan politik.

Dengan pembebasan terbaru itu, banyak pihak di luar Myanmar yang dulu lebih terkenal dengan Burma mengintai dengan penuh minat, sama ada Barat atau negara jiran lain, terhadap perkembangan itu yang diharap membuka lebih banyak ruang keamanan di negara itu yang tidak henti dilanda pergolakan sejak merdeka pada 1948.

Malah, seorang pemimpin kanan pembangkang dilaporkan berkata pembebasan tahanan itu boleh menjadi satu petanda rundingan antara jeneral Majlis Keamanan Negara dan Pembangunan (SPDC) yang memerintah Myanmar dan pemimpin Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD), Aung San Suu Kyi mencapai kemajuan.

Myanmar walaupun kerap dipandang sepi dan hina oleh kebanyakan negara luar, konon menekan pergerakan demokrasi dan kononnya mengeksport gejala penagihan dan penyeludupan dadah, tetap mempunyai harga diri bagi menunjukkan kepada dunia, ia benar-benar mahukan keamanan sebenar bertapak di buminya.

Menurut laporan, dalam perkembangan politik terbaru itu, seorang tokoh kanan pembangkang, Saw Mra Aung, yang juga sekutu rapat NLD, dibebaskan pada 14 dan 15 Jun lalu bersama 11 lain, termasuk lapan ahli parlimen NLD, selepas ditahan pihak berkuasa kerana melanggar perintah.

Mra Aung dilantik sebagai speaker parlimen pada 1998 oleh satu jawatankuasa diketuai Suu Kyi, pemimpin demokrasi yang dijulang-julang Barat dan ditubuhkan selepas pergolakan politik sejurus kemenangan NLD dalam pilihan raya pada 1990, yang tidak diiktiraf junta tentera.

Sebenarnya, sebagaimana keterangan junta dan kebanyakan pemerhati politik Myanmar selama ini, tentera campur tangan ketika itu bagi mengelak negara berkenaan terus dilanda kacau bilau atau keadaan anarki.

SPDC yang asalnya Majlis Pemulihan Undang-Undang dan Ketenteraman Negara (SLORC) yang memerintah pada 1988 sebenarnya ditubuhkan untuk memulihkan keamanan negara daripada kacau bilau itu, terutama peralihan sistem sosialis kepada demokrasi tulen.

Bagi tujuan itu, perlembagaan baru bagi menggantikan perlembagaan 1974 (sebagai mengganti perlembagaan 1948) yang diperkenalkan Jeneral Ne Win yang mengamalkan sistem sosialis.

Selain itu, langkah itu bagi meredakan pergolakan yang ditimbulkan sesetengah unsur serta faktor cubaan campur tangan asing bagi menaikkan kuasa politik yang mereka senangi atau lambat laun dijadikan kerajaan boneka sebagaimana terbukti kepada kebanyakan kerajaan di negara membangun selama ini.

Memang, ramai pemimpin yang dikatakan pejuang prodemokrasi seperti Suu Kyi, anak perempuan kepada bapa kemerdekaan Myanmar, Jeneral Aung San, aktif menegakkan perjuangan politik mengikut agenda masing-masing.

Seperti Mra Aung, dia sebelum ini asalnya adalah anggota Liga Demokrasi Kesatuan Rakyat Kebangsaan yang kini sudah dibubarkan, iaitu satu kumpulan membabitkan 20 parti etnik minoriti negara itu.

Mengikut laporan, ahli parlimen NLD lain yang dibebaskan dalam perkembangan terbaru itu ialah Maung Aye, Ba Swe, Kyin Shin Htan, Han Zaw, Aung Soe, Htun Myaing dan Myint Thein. Turut dibebaskan ialah Htwe Myint.

Junta juga membebaskan ahli parlimen NLD lain termasuk Aung Moe Myint, Kan Oo dan seorang lagi tahanan politik yang turut mempunyai nama Myint Thein, yang tidak mempunyai kaitan dengan ahli parlimen yang dibebaskan itu.

Terdahulu, pada 30 Mac lalu, 16 anggota NLD dibebaskan oleh junta dan awal sebelum itu, pada Oktober tahun lalu, 84 anggota parti itu yang ditahan menikmati kebebasan mereka.

Namun, pihak berkuasa dipercayai akan terus menahan tiga pemimpin utama NLD, iaitu Suu Kyi, Aung Shwe dan Tin Oo di bawah tahanan rumah.

Kebanyakan tahanan politik yang dibebaskan itu sebelum ini ditahan di pangkalan tentera Ye Mon kira-kira 50 kilometer ke utara Yangon.

Jurucakap junta dilaporkan berkata mereka dibebaskan "selepas persefahaman dicapai antara kerajaan SPDC dan NLD."

Kelapan-lapan ahli parlimen itu selama ini "ditempatkan di rumah rehat kerajaan dan dibenarkan pulang ke rumah masing-masing bagi menemui keluarga mereka sejak jam 5 petang, 14 Jun lalu dan dalam keadaan sihat.

Kumpulan itu adalah kelompok kedua dibebaskan sejak Razali melawat Yangon dari 1 hingga 4 Jun lalu dalam usaha untuk memberi nafas baru kepada proses perdamaian semula.

Sehari sebelum itu, satu daripada tahanan politik Myanmar yang dikenali, Soe Thein, iaitu seorang wartawan dan pemimpin pembangkang dibebaskan hanya beberapa selepas kepulangan utusan khas PBB itu.

NLD berkata sebelum ketibaan Razali, ia menjangkakan kunjungan itu akan menghasilkan pembebasan beberapa tahanan sebagai tanda muhibah daripada junta, yang memulakan dialog dengan Suu Kyi sejak Oktober tahun lalu.

Anak perempuan Aung San yang bersuamikan orang putih itu sebelum ini menuntut pembebasan tahanan itu serta partinya dibenarkan membuka semula pejabatnya seluruh negara, sebelum hubungan itu berkembang menjadi dialog sepenuhnya.

Difahamkan pembangkang kini merancang untuk memulihkan kegiatan parti dengan membuka 18 pejabat penempatan dan memasang bendera dan papan tanda parti.

Pada 1990, NLD memenangi 392 daripada 485 kerusi parlimen tetapi dewan

perundangan itu tidak dibenarkan bersidang oleh SPDC kerana keadaan negara yang bergolak ketika itu yang boleh menjadi semakin buruk jika tentera tidak campur tangan dalam usaha mengembalikan semula ketenteraman awam serta maruah negara itu.

Atas permintaan peribadi Razali, junta tentera memulakan dialog peringkat tinggi dengan pemenang Anugerah Nobel Keamanan itu pada Oktober tahun lalu buat kali pertama sejak 1994, bertujuan mencapai "perdamaian negara."

Setiausaha Satu SPDC, Leftenan Jeneral Khin Nyunt berkata segala masalah berkaitan isu demokrasi itu perlu ditangani secara berperingkat dan hati-hati untuk memastikan sebarang keputusannya memanfaatkan rakyat serta bertapak kukuh.

Dalam pertemuan dengan wartawan Malaysia di Yangon, baru-baru ini, beliau menerangkan SPDC bertindak sebagai kerajaan sementara dan akan berusaha mewujudkan keamanan sebenar dalam usaha membangunkan negara berkenaan.

Oleh itu, diharapkan kunjungan Razali akan datang ke Yangon, dipercayai Julai ini akan memantapkan lagi proses rundingan, sekali gus membuka lebih banyak pintu rundingan dan keamanan seperti diharapkan semua pihak, terutama 52 juta rakyat Myanmar sendiri yang dahagakan kemajuan, pembangunan dan keamanan berkekalan.

Selama ini, selain dakwaan berlakunya penekanan ke atas pergerakan prodemokrasi di negara itu, negara luar, terutama Barat lebih suka menuduh Yangon mengamalkan buruh paksa.

Misalnya, badan hak asasi manusia antarabangsa, Human Rights Watch, berpusat di New York dan Amnesty International berpusat di London dalam kenyataan 12 Jun lalu yang dikeluarkan sempena persidangan tahunan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) di Geneva, mengutuk Myanmar dengan dakwaan itu.

November lalu, dalam langkah yang tidak pernah diambil sebelum ini, ILO menyeru 175 negara anggotanya mengenakan sekatan dan menilai semula kerjasama dengan Myanmar bagi memastikan mereka tidak bersubahat dengan buruh paksa kononnya.

Namun, badan itu menyerahkan kepada setiap negara terbabit, pertubuhan dan kesatuan sekerja bagi memutuskan tindakan mereka.

Human Rights Watch mendakwa Myanmar masih menggunakan buruh paksa walaupun ia secara rasmi mengharamkan amalan itu lebih lapan bulan lalu.

Kerajaan Yangon menafikan tuduhan itu. Sebelum ini, ia menjelaskan amalan itu sukar dihapuskan berikutan ia dianggap kerja masyarakat secara sukarela sebagaimana di kebanyakan negara membangun lain.

Ini ditambahkan lagi begitu ramai tenaga kerja berasaskan buruh, termasuk kanak-kanak yang mencari wang tambahan bagi menampung pendapatan keluarga masing-masing.

Keadaan itu turut menyebabkan purata pendapatan pekerja di negara itu agak rendah antara RM50 dan RM150 sebulan, itupun bagi mereka yang bekerja di sektor perkilangan yang menawarkan gaji tetap, termasuk di kilang yang dikendalikan oleh syarikat milik usahawan Malaysia.

Badan hak asasi manusia seperti Human Rights Watch hanya pandai membidas dan menyeru negara anggota ILO bertindak tegas terhadap Myanmar tanpa berusaha menyelami sendiri masalah sosial dan ekonomi yang dialami negara membangun itu.

Dalam kunjungan seminggu ke negara itu, baru-baru ini, saya dapati keadaan di sana, termasuk ibu negeranya, Yangon sendiri seperti keadaan Malaysia pada tahun 1970-an.

Perubahan sistem politik berikutan perkembangan politik serantau dan kesan Perang Dingin turut menjadi satu daripada punca keadaan itu dengan kehadiran sistem sosialis yang mempengaruhi kebanyakan pemimpin negara

membangun pada 1960-an, 1970-an dan awal 1980-an.

Oleh itu, seharusnya dalam menyelami isu sosial dan ekonomi membabitkan dakwaan berlakunya amalan buruh paksa, badan hak asasi antarabangsa, malah lebih ramai pemimpin ILO perlu mengambil inisiatif untuk berbincang dan mendengar sendiri masalah itu daripada Yangon menerusi sesi dialog dari semasa ke semasa dan bukan melenting dan membuat tuduhan melulu.

Desakan seperti seruan kepada negara anggota ILO agar menekan rejim Myanmar untuk mengambil langkah serta merta dengan menguatkuasakan larangan ke atas buruh paksa yang diterima pada Oktober tahun lalu serta membenarkan lawatan bebas dari semasa ke semasa perlu dilakukan dengan niat ikhlas dan bukan bagi membuli negara yang sememangnya kaya dengan semangat kebangsaan dan jati diri tersendiri itu.

Barat harus sedar jika mengambil kira jauh ke belakangnya keadaan di Myanmar ketika ini, malah sebagaimana keadaan Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman, Itali dan Perancis ketika era awal perusahaan dulu, di mana tenaga buruh paksa dan penggunaan wanita dan kanak-kanak, yang mencetuskan banyak revolusi dan penentangan, seharusnya mereka sedar dan mahu memahami senario di Myanmar sekarang, sesuai dengan usahanya membangunkan ekonomi dan taraf hidup rakyatnya.

Ugutan seperti desakan kepada syarikat asing mengelak melabur di negara itu sebenarnya bukan penyelesaian masalah, sebaliknya akan ditentang dengan penuh semangat junta tentera seolah-olah bertindak balas dalam satu peperangan.

Namun dalam pada itu, kerajaan Yangon juga harus bersikap terbuka dengan sedia menerima kunjungan perwakilan badan hak asasi manusia antarabangsa atau ILO jika pihak terbabit mahu melihat sendiri perkembangan soal itu, terutama isu buruh paksa.

Sebelum ini, ILO berkata kira-kira 250 juta kanak-kanak di seluruh dunia berusia antara lima dan 14 tahun dipaksa bekerja, dengan sekurang-kurangnya 60 juta daripada mereka bekerja di tempat yang memang bahaya dan tidak selesa, seperti perlombongan atau pelacuran.

Yangon seperti diketahui mengutuk keras kenyataan badan hak asasi manusia itu, terutama Human Rights Watch yang dianggap kerap bersikap negatif.

Myanmar juga menunjukkan kesungguhan bagi bekerjasama dengan ILO bagi melakukan pembaharuan dalam amalan buruh dan mewujudkan "kerja yang sesuai" untuk pasaran kerjanya.

Nasib yang dialami Myanmar selama ini boleh dikisahkan dengan kisah musang mengatakan anggur yang diidamkannya masam, hanya kerana ia tidak mendapat buah yang sememangnya manis itu.

Myanmar yang kaya dengan sumber alam semula jadi di darat dan laut, selain mewah dengan pasaran kerja dan potensi ekonomi sememangnya menjadi idaman dan dipandang dengan geram oleh negara Barat.

Tetapi lihatlah banyak kerajaan dinaikkan dengan sokongan Barat akhirnya merudum dan tahap demokrasi, kestabilan politik dan ekonominya punah berikutan campur tangan Barat, terutama Amerika yang hanya berminat membantu seandainya ia memanfaatkannya, bagaikan pepatah "habis manis, sepah dibuang."

Dalam hal ini, sokongan dan dasar luar Kuala Lumpur berhubung hubungan diplomatiknya dengan Yangon dianggap perkembangan menarik sesuai dengan semangat Asean bagi mewujudkan rantau aman, bebas dan berkecuali.

Sama ada ia isu demokrasi, buruh paksa, sempadan atau taraf hidup rakyatnya, lebih wajar pihak yang empunya diri, iaitu Yangon dibiarkan cuba menyelesaikannya selagi tidak terlalu mengancam negara jiran atau dunia luar.

(END)